**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**http://www.parlimen.gov.my**

**HARI KHAMIS, 21 JUN 2012, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 32**

---

## PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1252-L49988
**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya bercadang membina jalan 2 hala Tawau/Kota Kinabalu dan jika ada bila akan dimulakan.

2. PR-1252-L49703
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

3. PR-1252-L49317
**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah terdapat kesan kepada alam sekitar negara kita akibat fenomena ledakan di matahari atau ribut matahari yang berlaku awal tahun baru-baru ini.

4. PR-1252-L50934
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila seorang Menteri berjanji di Parlimen untuk memberi informasi seumpama fi konsultan yang telah dibayar oleh MAS kepada BinaFikir Sdn. Bhd, untuk Projek WAU yang melibatkan jumlah wang RM200 juta dan senarai nama untuk 12 syarikat yang terlibat dalam kontrak *fuel hedging* di mana MAS mengalami kerugian sebanyak RM3.3 bilion, adakah Khazanah dan/atau syarikat GLC seperti MAS berhak untuk tidak memberi apa-apa maklumat yang diperlukan kepada Parlimen dan bahawa Khazanah dan/atau syarikat seperti MAS boleh kekal bersembunyi di bawah klausa *CONFIDENTIALITY* atau *NON-DISCLOSURE* sedangkan MAS menggunakan wang rakyat.

5. PR-1252-L50805
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah selesainya urusan penyenaraian Felda Global Venture Bhd. dalam Bursa Malaysia dan penglibatannya dalam perniagaan antarabangsa, sebahagian besar fokus FELDA mungkin lebih tertumpu kepada urusan *business*, maka dengan demikian apakah caranya untuk FELDA terus menunaikan tanggungjawab sosialnya, terutama terhadap kepentingan generasi kedua dan ketiga, yang kian meruncing.

6. PR-1252-L49271
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penubuhan Jawatankuasa Khas Perundangan Parlimen:-

(a) adakah Kerajaan bersedia untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Perundangan Parlimen untuk meneliti dan mendraf semua rang undang-undang sebelum ia dibentangkan di Parlimen; dan

(b) nyatakan semua bantahan dan halangan terhadap penubuhan Jawatankuasa Khas ini.

7. PR-1252-L49670
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan keberkesanan SME Bank bagi membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan apakah strategi-strategi dalam meningkatkan daya saing usahawan IKS di peringkat global (lokal dan global).

8. PR-1252-L50387
**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rasional 'gaji minimum' RM900 ditetapkan untuk di Semenanjung dan RM800 di Sabah Sarawak serta apakah langkah-langah lain untuk meningkatkan produktiviti ke tahap 4.6% untuk 8 tahun akan datang bagi mencapai sasaran status pendapatan tinggi (*high income status*) pada tahun 2020.

9. PR-1252-L49593
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan jangka panjang Kerajaan untuk mendapatkan tambahan kuota jemaah haji dari negara ini, bagi membolehkan masa menunggu seseorang jemaah tidak terlalu lama.

10. PR-1252-L49439
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah penggunaan komputer yang diagihkan kepada pelajar. Apakah bentuk pemantauan yang dijalankan.

11. PR-1252-L50804
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa ramai usahawan di kalangan mahasiswa memanfaat Tabung Usahawan Siswazah (TUS) dan apakah program-program yang perlu diikuti usahawan siswazah bagi melayakkan mereka memohon TUS.

12. PR-1252-L49855
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah kedudukan Indeks Harga Pengguna yang terkini dan apakah langkah-langkah baru yang dicadangkan untuk membendung kesan negatif trend kenaikan kos yang berlaku di seluruh dunia.

13. PR-1252-L49690
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi menempatkan kira-kira 30,000 guru diploma seluruh negara yang melanjutkan pengajian sehingga peringkat ijazah tetapi belum diserapkan sebagai guru perkhidmatan siswazah.

14. PR-1252-L49900
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kekurangan guru di Sekolah Cina dan Tamil; dan

(b) apakah tahap kelayakan yang dikenakan bagi guru-guru yang mengajar bahasa ibunda di sekolah Tamil dan Cina.

15. PR-1252-L49942
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini dan rancangan Kerajaan menaiktarafkan Hospital Sarikei kepada Hospital Pakar Sarikei. Nyatakan juga rancangan Kerajaan menubuhkan Klinik Satu Malaysia di Sarikei atau sebaliknya.

16. PR-1252-L50703
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah *household debt* (hutang rumahtangga) negara setakat 31 Mei 2012 dan pecahan angka mengenai kategori-kategori hutang yang dirangkumi dalam *household debt* itu.

17. PR-1252-L50275
**Datuk Wira Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan menilai pembinaan tapak kecemasan khas bagi kenderaan-kenderaan rosak di laluan lebuh raya untuk mengelakkan kemalangan kenderaan berhenti di laluan kecemasan serta menyediakan bengkel-bengkel membaiki kenderaan dan perkhidmatan kecemasan ketika kenderaan rosak di sepanjang lebuh raya.

18. PR-1252-L50963
**Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nyatakan implikasi apabila "*ratings*" bagi bon-bon terbitan Kerajaan Pusat diturunkan ekoran kadar hutang negara mencecah kepada paras 54% daripada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

19. PR-1252-L49802
**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalinkan hubungan dengan maahad tahfiz swasta rakan strategik bagi menawarkan pengajian tahfiz.

20. PR-1252-L50376
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dari mana dana untuk pemberian durian runtuh kepada peneroka FELDA seperti diumumkan Perdana Menteri dan jumlah keseluruhan pemberian tersebut.

21. PR-1252-L50032
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah kajian telah dijalankan bagi penggunaan tayar celup (*retread tyre*) pada kenderaan di negara ini selamat.

22. PR-1252-L51013
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam menangani isu keselamatan persempadanan Malaysia-Thailand.

23. PR-1252-L49750
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak dan risiko yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dan umat Islam di Malaysia lanjutan daripada perhimpunan Bersih di Mekah dan Madinah.

24. PR-1252-L49908
**Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan geran-geran termasuk nilai dan kegunaan geran yang telah diperuntukkan kepada badan-badan bukan Kerajaan India oleh Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 2008 sehingga kini.

25. PR-1252-L50146
**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah matlamat Urus Tadbir di Malaysia telah mencapai pematuhan antarabangsa "Governance Report On The Observe Of Standard And Codes" dan bagaimana untuk menggalakkan dan memperkasakan budaya tadbir korporat berintegriti.

26. PR-1252-L50454
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status sebenar Geran Perkapita Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang telah diberhentikan oleh Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada tahun 2003, adakah Geran Perkapita tersebut telah diberikan semula sepertimana difahami daripada kenyataan Perdana Menteri pada 9 Mac 2012, ketika merasmikan pembukaan Sekolah Agama Taman Molek, Johor Bahru.

27. PR-1252-L49419
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian di dalam memperkasa dan mempertingkatkan peranan koperasi dalam pembangunan ekuiti kaum Bumiputera khususnya dalam bidang perniagaan; memandangkan masih terdapat kekangan dalam usaha pembangunan koperasi pada waktu ini.

28. PR-1252-L50990
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) adakah benar wujud kepincangan dalam sistem biometrik dan kad berlepas sehingga berlakunya kekeliruan antara Kementerian Pelancongan dan Jabatan Imigresen baru-baru ini; dan

(b) apakah *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam melaksanakan prosedur kad berlepas dan sistem biometrik di pintu-pintu masuk-keluar negara.

29. PR-1252-L50592
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) sama ada Ujian Penilaian Impak Sosial (Social Impact Assessment) wajib dilangsungkan sebelum sesuatu projek pembangunan itu dilaksanakan; dan

(b) jika ya, bilakah ujian penilaian berkenaan dijalankan bagi Projek Lynas, Projek MRT di Lembah Klang, Projek Petrokimia di Pengerang. Jika tidak, mengapa.

30. PR-1252-L49592
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) mengapakah Kerajaan mengambil begitu lama untuk menyediakan terma-terma rujukan (TOR) bagi Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) berhubung pendatang tanpa izin di Sabah selepas kelulusan Kabinet pada 8/2/2012; dan

(b) bilakah YAB Perdana Menteri akan mengumumkan RCI dan TOR. Adakah panel bagi RCI meliputi wakil-wakil semua pihak berkepentingan dari Sabah.

31. PR-1252-L50761
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan balai polis untuk Pulau Bruit di mana bilangan penduduknya sebanyak 12,000 orang dan mula menghadapi masalah sosial.

32. PR-1252-L50283
**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa unit Rumah Mesra Rakyat yang telah dan akan diperuntukkan di Bahagian Mukah Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke-10.

33. PR-1252-L49518
**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan RAYUAN BR1M yang berjaya di seluruh negara dan negeri Sarawak khasnya. Berapakah peruntukan tambahan untuk tujuan tersebut.

34. PR-1252-L49205
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) mengenai dengan pernyataan YAB Perdana Menteri mengenai dengan "Persekitaran Perniagaan Yang Kondusif Dan Mesra Niaga"; dan

(b) apakah kadar kenaikan indeks keluaran dalam negara kasar KDNK negara sejak tahun 2010 sehingga sekarang ini.

35. PR-1252-L49477
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) apakah fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka; dan

(b) kenapakah Dewan Bahasa dan Pustaka gagal mencetak dan menjual buku Bahasa Melayu lama yang sangat bernilai dalam memartabatkan Bahasa Melayu.

36. PR-1252-L50196
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kesalahan dan tindakan yang telah diambil oleh CIDB ke atas kontraktor-kontraktor binaan yang melanggar akta yang berkaitan CIDB.

37. PR-1252-L49357
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pencapaian Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) sehingga kini dan setakat mana Unit Perancang Ekonomi mengawal selia pelan pelaksanaan inisiatif RMK-10 dan sistem pemantauan inisiatif RMK-10.

38. PR-1252-L49646
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengharamkan buku bertajuk Kahwin Campur yang diterbitkan oleh Middle Eastern Graduate Centre dengan kerjasama sebuah yayasan Parti Demokratik Kristian German iaitu Konrad Adenauer Foundation yang jelas bercanggah dengan Islam kerana mengharuskan perkahwinan di antara wanita Islam dengan lelaki bukan Islam atas alasan Islam itu adalah satu konsep penyerahan diri kepada Tuhan dan penganut semua agama yang punya kitab suci adalah Ahli Kitab, dan oleh itu Islam dari segi konsep dan layak berkahwin dengan wanita Islam.

39. PR-1252-L50105
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru yang dilatih, jumlah yang dilantik dalam perkhidmatan setiap tahun bagi tempoh 2000-2012 serta jumlah lantikan mereka tertangguh dan sebab-sebab berlaku demikian.

40. PR-1252-L50951
**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapa bangunan baru di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di Batu 7, Jalan Tuaran tidak digunakan, dan bangunan lama yang rosak itu tidak dirobohkan dan dibersihkan.

41. PR-1252-L50439
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik umat Islam yang murtad dan menukar status dalam kad pengenalan mereka dan langkah-langkah yang di ambil oleh JAKIM dalam mengatasi gejala murtad ini.

42. PR-1252-L50883
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kaedah pengukuran *key performance indicator* (KPI) bagi pegawai-pegawai dan cabang-cabang Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apakah KPI yang telah direkodkan oleh pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat di cabang-cabang negeri Kedah.

43. PR-1252-L50334
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan pihak manakah yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan aplikasi laman-laman Facebook rasmi Tourism Malaysia pada ketika ini dan berapakah kos bulanan untuk tujuan tersebut serta jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk Kempen Social Media Branding setakat ini.

44. PR-1252-L49371
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Akta Pergigian 1971, terutama dari segi pendaftaran klinik agar lebih relevan untuk diguna pakai pada masa ini.

45. PR-1252-L50296
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) adakah prosedur mengedarkan borang pembiayaan kewangan kepada peneroka FELDA daripada 7 bank terpilih adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara; dan

(b) kenapakah peneroka seolah-olah dipaksa menandatangani borang tersebut yang kebanyakannya dalam Bahasa Inggeris yang kurang difahami oleh peneroka.

46. PR-1252-L50049
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) jumlah angka penglibatan pelajar IPTA yang terlibat dalam acara demonstrasi BERSIH 3.0 pada baru-baru ini; dan

(b) apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memastikan para pelajar IPTA tidak terlibat dengan anasir tidak bertanggungjawab seperti demonstrasi tersebut.

47. PR-1252-L50400
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan siasatan Suruhanjaya Sekuriti ke atas saham Supercomnet Technologies Bhd. menandatangani perjanjian *option* membeli saham syarikat tersebut dan selepas IT menolak *option* tersebut dalam jangka masa 48 jam.

48. PR-1252-L49400
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah buah institusi pengajian tinggi telah membuat rancangan untuk membina kampus di *"Educational Hub"* di Sungai Batang di Sandakan dan apakah kedudukan pelaksanaan rancangan ini.

49. PR-1252-L50630
**Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah caranya memastikan pandangan Kerajaan Negeri diambil kira dalam penyediaan bajet pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk Sabah.

50. PR-1252-L50514
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Malaysia masih dalam senarai tapak subur untuk ancaman pengganas global.

51. PR-1252-L49507
**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) bagaimana pekerja-pekerja akan mendapat manfaat dengan pengenalan gaji minimum; dan

(b) apakah komponen gaji minimum.

52. PR-1252-L49889
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini Projek Hidroelektrik Bakun, memandangkan masih tidak ada pelanggan yang menggunakan tenaga elektrik yang dijana.

53. PR-1252-L50826
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status pencapaian Program Ekonomi Menjana Aspirasi Keluarga (eMAK) dan kesannya dalam memberdayakan wanita khususnya suri rumah.

54. PR-1252-L50128
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kedudukan rundingan dengan pihak Indonesia berkaitan dengan masalah persempadanan di Sarawak-Kalimantan Barat dan Sabah-Kalimantan Timur.

55. PR-1252-L49772
**Datuk Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah perpustakaan di seluruh negara termasuk perpustakaan sekolah dan nyatakan langkah Kerajaan bagi mewujudkan perpustakaan digital bagi membolehkan pengguna membaca buku dan pelbagai bahan ilmiah dalam bentuk digital secara talian.

56. PR-1252-L49680
**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan hasil tangkapan ikan semakin kecil dan berkurangan di perairan negara iaitu di Laut China Selatan, adakah Kementerian merancang untuk memberhentikan penangkapan bagi tempoh tertentu seperti langkah yang diambil oleh negara China untuk mengekalkan kekayaan hidupan laut.

57. PR-1252-L49722
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan satu laporan mengenai hasil siasatan Pasukan Tugas Khas mengenai skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara yang beliau umumkan pada September 2009, cadangan yang dibuat serta tindakan yang diambil.

58. PR-1252-L50336
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada perbuatan berhimpun secara beramai-ramai atau meletakkan gerai di luar bangunan rumah seseorang individu adalah dibenarkan di Malaysia.

59. PR-1252-L50862
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah benar pihak PDRM di kawasan seperti Miri dan Sibuti mempunyai masalah kekurangan anggota memandangkan tiada rancangan pihak PDRM menyediakan Balai Polis Mini di kawasan seperti di Permyjaya, Tudan, Miri, Taman Tunku, Simpang Bekenu dan Simpang Batu Niah yang mempunyai kepadatan penduduk.

60. PR-1252-L49624
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tahap keselamatan Kad Pengenalan Malaysia atau MyKad yang diuruskan oleh Syarikat Dibena Smart yang dibuat di Taiwan atau luar negara.

61. PR-1252-L49544
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara setakat 31 Mei 2012 dengan menyebut sumber pembiaya dan amaun serta perkhidmatan pembayaran balik yang dibuat sepanjang 5 tahun lalu.

62. PR-1252-L50795
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan berapakah kos kerugian yang ditanggung oleh pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani rusuhan 28 April lalu dan apakah persediaan pihak DBKL dalam mengatasi kejadian seumpama ini pada masa hadapan.

63. PR-1252-L49490
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan jumlah pengundi pos/pengundi awal mengikut kawasan Parlimen. Nyatakan apakah warganegara Malaysia di luar Negara akan dapat mengundi semasa Pilihanraya Umum ke-13 ini. Jika tidak, mengapa.

64. PR-1252-L49854
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian ada mempunyai perancangan untuk membesarkan pejabat dan menambah bilangan personel serta membina pondok polis yang lebih sempurna di kawasan Sadong Jaya dan Gedong.

65. PR-1252-L50471
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemegang biasiswa JPA yang tidak dapat menunaikan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan sejak JPA diadakan. Berapakah pemegang biasiswa JPA yang telah dibebaskan daripada ikatan kontrak selama ini.

66. PR-1252-L50611
**Datuk Md. Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kesan kepada alam sekitar akibat penggunaan air tanah yang dikomersialkan secara berleluasa. Sejauh manakah pihak Kementerian mengadakan kawalan dan melesenkan syarikat yang menghasilkan air mineral untuk pasaran yang menggunakan air tanah sebagai sumber air.

67. PR-1252-L50404
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan justifikasi kepada pembatalan guru KAFA baru-baru ini.

68. PR-1252-L49803
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa Kerajaan mengumumkan 5.2 juta keluarga atau 79.5% daripada semua isi keluarga yang pendapatan mereka kurang daripada RM3,000 akan dapat Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tetapi Kerajaan juga umumkan bahawa hanya 60% daripada isi keluarga di negara ini mendapat pendapatan kurang daripada RM3,000. Kepada siapakah lebihan 19.5% daripada peruntukan BR1M diberikan.

69. PR-1252-L49243
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan SJKC, bilangan murid dan bilangan guru yang layak mengajar dengan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantar di setiap negeri. Adakah negara menghadapi kekurangan guru yang layak mengajar dengan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantar.

70. PR-1252-L50532
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan konsesi pembangunan UiTM secara Private Finance Initiative (PFI) yang telah dianugerahkan dan menyatakan nama-nama syarikat tersebut serta status projek tersebut.

71. PR-1252-L50531
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah ada beberapa kem tentera dan Pusat Penempatan Pengundi Pos letak kedudukannya di dalam satu kawasan Parlimen akan tetapi dimasukkan sebagai pemilih di kawasan Parlimen yang berlainan. Contoh Pusat Tahanan Bukit Jalil.

72. PR-1252-L49538
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) kenapa Kementerian tidak dapat mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa Mandarin terlatih untuk sekolah-sekolah Bahasa Cina; dan

(b) sama ada Kerajaan akan membenarkan sekolah-sekolah Bahasa Inggeris, jika tidak, mengapa.

73. PR-1252-L49787
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan bukan Melayu di kalangan Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar Malaysia dan jumlah Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar Malaysia.

74. PR-1252-L50252
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan penerbitan dan penjualan bahan lucah dan pornografi serta berapakah dakwaan yang telah berjaya dibuat oleh pihak Kementerian terhadap kesalahan kategori ini dalam tempoh 10 tahun terakhir dan nyatakan siapakah pihak-pihak yang pernah didakwa dan diambil tindakan undang-undang bersabit kesalahan ini.

75. PR-1252-L49742
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan pembinaan dan baik pulih jalan raya Jalan Kebagu (Karambunai), Jalan Kawakaan-Tindai dan Jalan Tampulan-Kiulu (Inanam) serta jumlah nilai bagi setiap projek ini dan jangka masa pelaksanaan untuk menyiapkannya.

76. PR-1252-L50764
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai peruntukan dan projek-projek dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) untuk Negeri Pulau Pinang, terutamanya dalam pusingan pertama iaitu tempoh 2011-2012.

77. PR-1252-L49937
**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dapatkah Kementerian campur tangan atau menggubal Rang Undang-undang Negeri-Negeri memaksimumkan pendapatan hasil balak seperti mana yang dilaksanakan oleh negeri Kedah Darul Aman.

78. PR-1252-L50662
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor semua gred di sektor-sektor awam dan swasta, serta bilangan pelajar perubatan di dalam dan luar negara. Apakah masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor pelatih (*housemen*).

79. PR-1252-L50487
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Peneroka FELDA diminta menandatangani perjanjian pinjaman Bank untuk membeli saham-saham yang akan dikeluarkan FGVH.

80. PR-1252-L50981
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang luar negara sehingga 30 Mac 2012 mengikut negara yang memberi pinjaman dan purata pembayaran semula setiap tahun. Adakah pembayaran semula ini menggunakan tunai atau menggunakan tukaran eksport barangan sebagai cara pembayaran.

81. PR-1252-L50902
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil yang dicapai daripada Program Karnival Pekerjaan yang dilaksanakan saban tahun dan berapa jumlah penempatan pekerjaan telah berjaya disediakan.

82. PR-1252-L50353
**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bentuk kerjasama yang ada antara Kementerian dengan Yang Berhormat Exco Pelancongan Negeri-negeri.

83. PR-1252-L49829
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah gaji minimum yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk Sabah dan Sarawak bernilai RM800 lebih rendah dari Semenanjung RM900, sedangkan kos sara hidup di Sabah dan Sarawak lebih tinggi.

84. PR-1252-L49574
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kualiti udara di Bintulu berbanding dengan Sibu, Kuching, Miri dan Limbang. Jika kualiti udara di Bintulu adalah lebih teruk, mengapa, dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

85. PR-1252-L49553
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) apakah kriteria yang diguna pakai oleh Kementerian dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan mulai 2012 bagi memastikan pelajar mempunyai kemahiran yang sepatutnya; dan

(b) adakah Kementerian boleh memberi jaminan yang para pelajar ditaksir pada peringkat sekolah melalui penaksiran yang benar-benar objektif bukannya sekadar memberi gambaran indah khabar dari rupa.

86. PR-1252-L49381
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang perkembangan terkini sejak penubuhan pada bulan April 2011 Konsortium Rangkaian Serantau Sdn Bhd yang membabitkan pelesen SKMM dalam projek NKEA di bawah sektor kandungan komunikasi dan infrastruktur (CCI) yang bertujuan untuk menurunkan bayaran melanggan jalur lebar kepada pengguna.

87. PR-1252-L49167
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah subsidi yang diberikan kepada minyak petrol RON 95 dan RON 97 serta jumlah pengguna dalam negara bagi kedua-dua minyak tersebut secara berasingan.

88. PR-1252-L50192
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah sebab-sebab Kementerian masih gagal melatih secukupnya tenaga pengajar untuk SRJK (C) dan SRJK (T).

89. PR-1252-L50562
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian dalam menangani penjawatan pegawai perkhidmatan pendidikan yang ditugaskan di Kementerian, Jabatan dan Pejabat Pendidikan Daerah. Umumnya mereka ini tidak dapat dilantik secara hakiki seperti mana yang dinikmati oleh rakan mereka yang bertugas di sekolah. Dengan kata lain, mereka ini sukar mendapat kenaikan pangkat.

90. PR-1252-L50556
**Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kenapa Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) tidak beroperasi sepenuhnya di Kemunting Taiping.

91. PR-1252-L50675
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah nilai kontrak serta tempoh kontrak yang telah dikurniakan berkaitan dengan Kapal Selam Scorpene termasuk sistem navigasi, simulator, sokongan, penyelenggaraan, peluru pemandu dan pembinaan pengkalan di Sabah.

92. PR-1252-L49867
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa peratuskah penjanaan tenaga negara bergantung kepada gas, arang, hidro dan minyak, sejauh manakah kita boleh mencapai peratusan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) yang sewajarnya serta sejauh manakah keberkesanan *feed in tariff* di Malaysia.

93. PR-1252-L49526
**Tan Sri Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah *'the Rule of Law'* yang sedia ada di dalam negara mencukupi untuk menghadapi situasi umpama insiden Bersih 3.0 yang telah berlaku pada 28 April 2012.

94. PR-1252-L49799
**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengiktiraf kelulusan "*Bachelor Of Technology*" sebagai satu cabang kemahiran dan mempunyai lembaganya tersendiri.

95. PR-1252-L50867
**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) sama ada Kementerian berjaya mencapai sasaran 87% liputan prasekolah sebelum 2012 yang ditetapkan oleh NKRA Pendidikan; dan

(b) berapa bangunan baru prasekolah akan di bina, telah di bina dan berapa buah bangunan prasekolah yang dibina sedang digunakan.

96. PR-1252-L50730
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga yang didakwa di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Kanun Keseksaan bagi tempoh 2008 hingga 2011.

97. PR-1252-L50026
**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapa boleh berlakunya kekecohan semasa Perdana Menteri berucap semasa perjumpaan dengan masyarakat Malaysia di London baru-baru ini dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab.

98. PR-1252-L50619
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mekanisme bagaimana Kerajaan melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat (i.e penjual dan pembeli) dalam perniagaan atas talian atau e-dagang dari aspek undang-undang sedia ada dan nyatakan statistik mengenai aduan-aduan kesalahan dan kes-kes yang telah berjaya didakwa di mahkamah sejak tiga tahun kebelakangan.

99. PR-1252-L49232
**Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan Visi dan Misi KETENGAH khususnya dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial yang semakin lesu dan tenat dapat dipulihkan semula.

100. PR-1252-L50455
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:-

(a) bilakah kali terakhir pihak Kementerian membuat kajian berkaitan kemudahan dan kebajikan untuk anggota tentera; dan

(b) adakah Kementerian berpuas hati dengan tahap kemudahan dan kebajikan untuk anggota tentera setaraf dengan kakitangan agensi-agensi lain yang setara.

101. PR-1252-L49954
**Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan penduduk Bandar Tun Razak telah membantah pencerobohan terhadap taman rekreasi awam oleh syarikat Maju Holdings namun sehingga sekarang tiada tindakan dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa. Apakah status kedudukan taman rekreasi tersebut.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 (D.R. 27/2012) dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (21 Jun, 2012)**

   **[ Menteri Kewangan ]**

2. (D.R. 19/2012) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18 Jun, 2012)**

   **[ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ]**

3. (D.R. 25/2012) Rang Undang-undang Pelindung (Pindaan) 2012 — **Bacaan Kali Yang Kedua**

   **[ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ]**

4. (D.R. 26/2012) Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 — "

   **[ Menteri Sumber Manusia ]**

5. PR-1252-U49220
   **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

   "Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pelbagai program tajaan kerajaan seperti program 1Azam, telah banyak memberikan manfaat kepada rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan disenaraikan dalam senarai e-kasih. Program eredikasi kemiskinan ini telah melangkau jauh dalam meningkatkan ekonomi masyarakat terutama sekali masyarakat luar bandar". Dan mengambil maklum bahawa senarai e-kasih yang ada pada ketika ini hanya mendaftarkan kebanyakkannya, ketua isi rumah tetapi tidak mendaftarkan isi rumah, misalnya anak-anak mereka. Dan mengambil maklum bahawa, satu daripada syarat utama untuk memohon untuk mengikuti program 1Azam, pemohon hendaklah dari kalangan mereka yang telah didaftarkan dalam senarai e-kasih. Dan mengambil maklum juga bahawa faktor-faktor ini telah menghadkan peluang-peluang bagi isi rumah senarai e-kasih, bagi mengikuti program eredikasi kemiskinan tajaan Kerajaan seperti program 1Azam. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar dapat memberikan kelonggaran syarat kemasukan bagi program erediksi kemiskinan tajaan Kerajaan, misalnya program 1Azam, agar kumpulan sasar ini dapat mengikuti program tersebut dan sekali gus merealisasikan hasrat Kerajaan menjadikan negara sifar kemiskinan menjelang tahun 2020. "

   **(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

6. PR-1252-U49224
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa daripada 10 kawasan pemuliharaan utama (Priority Conservation Area-PCA) yang terdapat dalam kawasan Rantau-ECO Marin (Marine Ecoregion) di Lautan Sulu dan Lautan Suluwesi, 3 kawasan yang dimaksudkan terletak di negeri Sabah yang dilabelkan sebagai kawasan merah, yakni kawsan yang terkaya dengan kepelbagaian hidupan marin"Dan mengambil maklum bahawa, antara lain kepelbagaian hidupan marin ini adalah merangkumi 3500 spesis ikan, terumbu karang, 7 spesis penyu, dolphine dan paus.Dan mengambil maklum bahawa Taman Marin Tun Mustapha di Banggi Kudat, Trusan Kinabatangan, di Sandakan dan Darvel Bay di Tawau merupakan nadi utama hidupan dan ekosistem marin di negara ini. Dan mengambil maklum bahawa, aktiviti perikanan dan ekonomi telah secara perlahan mengancam kepelbagaian ekomarin ini dan memerlukan usaha konkrit untuk pemuliharaan dan penjagaan.Maka Dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menjadikan ketiga-tiga kawasan ini sebagai kawasan pemuliharaan bagi melindungi sistem eko dan bio marin kawasan ini."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

7. PR-1252-U50665
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbincangkan langkah-langkah dan peruntukan tahunan yang diperlu untuk memastikan keselamatan negara. Bahawa Dewan juga memperbahaskan cara-cara yang diperlukan untuk menentukan langkah-langkah tersebut tidak boleh disalahgunakan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

8. PR-1252-U50666
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendiskusikan keadaan dadah di Malaysia termasuk matlamat untuk mencapai tahap bebas dadah pada 2015. Bahawa Dewan juga mendebatkan kaedah yang berkesan untuk membanteraskan wabak dadah di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

9. PR-1252-U49764
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai ketetapan rakyat khasnya di Sabah agar ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan dengan pengeluaran dokumen kerakyatan Malaysia kepada rakyat-rakyat asing yang bermastautin di Sabah secara berleluasa sehingga telah mengakibatkan pertambahan penduduk yang begitu tinggi dengan kadar mencecah 390% dalam masa 40 tahun (1970-2010) demi kedaulatan Negara"

**(Perdana Menteri)**

10. PR-1252-U49765
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan menetapkan supaya harga runcit barangan keperluan harian dapat diseragamkan agar semua rakyat mendapat manfaat konsep 1Malaysia tanpa ada perbezaan baik di Wilayah Persekutuan mahupun di negeri-negeri. Sayugia, dengan keadaan yang ada pada masa kini, jelas tidak mencerminkan keseragaman taraf hidup yang sama rata dengan slogan rakyat didahulukan dan pencapaian bersama diutamakan."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

11. PR-1252-U49766
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dengan seriusnya supaya kelulusan senantiasa diutamakan dalam semua bidang pelaksanaan serta pendapatan khasnya kepada pemimpin atasan memandangkan terlalu rendah kepada rakyat biasa dan golongan sederhana. Perbezaan ruang yang jauh ketara dalam kedudukan pemimpin dengan pendapatan tinggi dapat dilihat jurang perbezaannya maka hal ini haruslah diguna sebagai kayu ukuran taraf kehidupan seseorang."

**(Perdana Menteri)**

12. PR-1252-U49895
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

13. PR-1252-U49523
**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa gaji minima untuk setiap pekerja patut dan tidak boleh kurang dari RM1,100 setiap bulan dan Kementerian Sumber Manusia perlu implemantiskannya dengan kadar segera."

**(Menteri Sumber Manusia)**

14. PR-1252-U49458
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengaji semula kadar bayaran insuran ke atas kenderaan motorsikal yang sedia ada bagi meringankan beban hidup masyarakat terutamanya di luar bandar kerana motorsikal merupakah sesuatu kemudahan yang diperlukan."

**(Menteri Kewangan)**

15. PR-1252-U49459
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang hari bekerja."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

16. PR-1252-U49460
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara dari menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

17. PR-1252-U49461
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambahnilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahkan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen Minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

18. PR-1252-U49972
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan adakah kandungan dan kualiti alat solek/kosmetik serta pil-pil pelangsingan badan yang pelbagai jenama dari dalam dan luar negara yang dijual di pasaran kini diluluskan oleh pihak berkuasa".

**(Menteri Kesihatan)**

19. PR-1252-U49973
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan sejauh manakah berkesannya kempen hari Sabtu Tanpa Beg Plastik di pasaraya-pasaraya terhadap pengurangan penggunaan beg plastik dan kesedaran orang ramai untuk mengurangkan penggunaan beg plastik yang mengakibatkan ancaman terhadap alam sekitar".

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

20. PR-1252-U49974
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk memberi lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum untuk menjawat jawatan di dalam sektor awam untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan."

**(Perdana Menteri)**

21. PR-1252-U49976
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar mengenai agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya dapat memupuk rasa saling hormat menghormati antara kaum dan isu-isu perkauman dapat dihindari."

**(Menteri Pelajaran)**

22. PR-1252-U49978
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan Wifi di seluruh negara dengan harga yang rendah atau berpatutan supaya semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menggunakan internet dan menambahkan pengetahuan mereka."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

23. PR-1252-U49979
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan menbekalkan gas bagi mengalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

24. PR-1252-U49982
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan bahawa kesemua rakyat yang mempunyai kad OKU (Orang Kurang Upaya) boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat secara automatik dan limit minima bantuan kewangan dapat ditambah kepada RM 500 sebulan memandangkan kosa sara hidup yang semakin hari semakin meningkat."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

25. PR-1252-U49987
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menubuhkan kursus atau kelas khas bagi ahli-ahli sukan di negara ini untuk mendidik mereka berintegriti, mempunyai nilai budaya yang tinggi, mempunyai semangat patriotik, kesukanan dan tanggungjawab untuk membasmi isu rasuah sukan."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

26. PR-1252-U49989
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan cara-cara untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap isu perubahan iklim dan pemanasan global dan cara-cara untuk mengatasinya serta kesannya terhadap alam sekitar dan kehidupan."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

27. PR-1252-U49993
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan kehadiran pekerja asing di negara ini memandangkan gaji minima sekarang adalah RM 900 dan warga Malaysia sanggup bekerja dengan gaji minima tersebut. Kehadiran pekerja asing kini tidak terkawal menyebabkan peluang pekerjaan warga tempatan tergugat dan masalah sosial dan jenayah oleh pekerja asing meningkat."

**(Menteri Sumber Manusia)**

28. PR-1252-U50790
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

29. PR-1252-U49264
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan melarang anasir/golongan yang mengamalkan ajaran sesat, budaya, amalan serta tabiat songsang daripada menjadi ahli Dewan Rakyat:

1. Sebagai negara Islam yang mengamalkan nilai-nilai murni sudah tiba masanya Perlembagaan negara kita diperkukuhkan lagi demi masa depan anak-anak kita.

2. Ancaman budaya songsang adalah benar dan nyata. Jika dilihat di beberapa negara Barat, golongan yang mengamalkan budaya songsang telah menerap masuk ke dalam sistem pentadbiran negara dan mencorak dasar Kerajaan.

3. Mungkin sudah ada masyarakat Barat yang sanggup dipimpin oleh golongan gay atau lesbian tetapi apakah kita di Malaysia sanggup.

4. Saya mencadangkan agar ahli Dewan Rakyat memandang serius ancaman budaya songsang ini dan membuat ketetapan serta apa-apa pindaan undang-undang yang perlu untuk melarang anak-anak kita daripada dilanda musibah di masa hadapan.

5. Saya tidak ingin merujuk pada mana-mana individu, yang hidup ataupun yang belum mati, tetapi kita tidak boleh membiarkan Dewan Rakyat yang mulia dicemarkan golongan yang songsang.

6. Saya pasti bukan saja Islam, malah semua agama yang diiktiraf di dunia ini melarang amalan-amalan songsang yang diterma sebagai - LGBT .

7. LGBT adalah ancaman kepada masyarakat Malaysia yang beragama dan berpegang kepada nilai-nilai murni yang diwarisi turun-temurun.

8. Saya pasti tidak ada satu pun bangsa di dalam negara kita ini yang ingin dipimpin oleh golongan songsang ini.

9. Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Dewan Rakyat, yang dipilih rakyat untuk menjaga kepentingan masyarakat serta keselamatan negara ini, menyokong usul untuk memperkukuhkan teras kita sebagai sebuah negara yang bertamadun. "

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

30. PR-1252-U50169
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 dimana Negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Morotarium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

31. PR-1252-U50171
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya.Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Menteri Sumber Manusia)**

32. PR-1252-U50172
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis.Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalah gunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

**(Perdana Menteri)**

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

| Tarikh Ucapan | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|---|---|---|---|
| 1. 21.6.2012 (Khamis) | 1. YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) | 1. Adakah Peruntukan Mitigasi Banjir dikurangkan secara sengaja di Selangor Sehingga Menyebabkan Banjir di Banyak Tempat. | 1. YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar |
| 2. 21.6.2012 (Khamis) | 2. YB Tuan Hee Loy Sian (PJ Selatan) | 2. Kadar Jenayah Semakin Meningkat Di Kawasan Petaling Jaya. | 2. YB Menteri Dalam Negeri |